

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK 10 : EKONOMI NEGARA

- OBJEKTIF :**
1. Mengetahui pelbagai sektor ekonomi dan lokasinya di Malaysia.
 2. Mengetahui dan menghargai sumbangan kegiatan ekonomi terhadap pendapatan, pekerjaan dan pembangunan negara.
 3. Memahami dan menyedari bahawa usaha-usaha pembangunan ekonomi sentiasa dipertingkatkan untuk menjamin pembangunan ekonomi yang berterusan.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
EKONOMI NEGARA 10.1 Kegiatan Ekonomi a. Kegiatan ekonomi utama i. Pertanian <ul style="list-style-type: none"> • Penanaman • Penternakan • Perikanan 	Aras 1 <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan jenis kegiatan ekonomi utama. 2. Menyenaraikan kegiatan dalam setiap bidang ekonomi utama. 3. Menyatakan hasil-hasil yang diperoleh daripada kegiatan ekonomi. 	Bersyukur dengan wujudnya pelbagai kegiatan ekonomi di negara kita.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membina pengurusan grafik mengenai kegiatan ekonomi utama. 2. Membuat lawatan ke kawasan pertanian, perindustrian atau pusat perniagaan yang berhampiran dan melaporkan kegiatan ekonomi yang terdapat di tempat tersebut.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> ii. Perindustrian <ul style="list-style-type: none"> • Industri ringan • Industri berat • Industri desa iii. Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan • Perbankan • Pendidikan • Kesihatan iv. Perhutanan <ul style="list-style-type: none"> • Pembalakan • Pengeluaran hasil hutan seperti rotan, herba dan kayu bakau v. Perlombongan 	<p>Aras 2</p> <p>1. Membandingkan dan membezakan industri berat, industri ringan dan industri desa.</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Menghuraikan satu kegiatan industri desa yang boleh dimajukan di peringkat antarabangsa.</p>		<ul style="list-style-type: none"> 3. Membuat buku skrap tentang hasil kegiatan ekonomi. 4. Melayari laman web untuk mendapatkan maklumat penting mengenai kegiatan ekonomi negara Malaysia. <p>http://banktani.tripod.com/gm4.htm</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Kawasan utama dan faktor yang mempengaruhi Kawasan utama kegiatan ekonomi negara dan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan seperti bentuk muka bumi, iklim, tanah, sumber, infrastruktur, pasaran dan tenaga buruh i. Pertanian <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan penanaman padi seperti Dataran Kedah Perlis, Delta Kelantan dan Tanjung Karang • Kawasan penanaman kelapa sawit seperti di Jengka, Labis dan Trolak • Kawasan penanaman getah seperti di Kluang, Bahau dan Lahad Datu 	Aras 1 <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan kawasan utama kegiatan pertanian. 2. Menyatakan kawasan utama penangkapan hasil laut, penternakan ikan air tawar dan akuakultur. 3. Menyatakan kawasan utama perindustrian yang terdapat di Malaysia. 4. Menyenaraikan kawasan utama perlombongan. 5. Menyatakan hasil utama perlombongan negara. 6. Menyatakan jenis perkhidmatan utama yang terdapat di negara kita. 7. Menyenaraikan kawasan utama pembalakan dan hasil pengeluaran hutan. 	Berbangga dan bersyukur negara kita banyak mempunyai kawasan kegiatan ekonomi.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menandakan kawasan utama kegiatan pertanian di peta Malaysia. 2. Membincangkan kaitan kawasan pertanian utama dengan bentuk muka bumi. 3. Menonton tayangan video tentang kawasan pertanian dan membincang faktor yang mempengaruhinya. 4. Melabelkan kawasan utama perindustrian di atas peta. 5. Membincangkan faktor am yang mempengaruhi kawasan perindustrian berdasarkan tayangan video.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan penanaman sayur-sayuran seperti di Cameron Highlands dan Kundasang • Kawasan penternakan seperti ternakan lembu tenusu di Kluang dan ternakan ayam di Dinding • Perikanan laut dalam dan pinggir pantai <ul style="list-style-type: none"> - Penternakan ikan air tawar seperti di sungai-sungai, tasik dan bekas lombong - Akuakultur seperti di Bukit Merah dan di Kukup <p>ii. Perindustrian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan industri ringan seperti di Petaling Jaya, Pengkalan Chepa, Likas, Kota Samarahan dan Kemunting 	<p>8. Menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi setiap kegiatan ekonomi.</p> <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghubungkan kawasan kegiatan ekonomi utama dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya. <p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melakukan dan membincangkan satu kawasan kegiatan ekonomi pelbagai sektor yang mesra alam. 	<p>Bersyukur dan berbangga dengan usaha kerajaan memajukan kegiatan ekonomi.</p>	<p>6. Membuat carta bergambar tentang barang perindustrian keluaran tempatan mengikut jenis dan kegunaan.</p> <p>7. Melabel kawasan perlobongan utama dalam peta dan mencatat hasil perlobongan.</p> <p>8. Melawat tempat pelancongan yang berdekatan dan menyenaraikan ciri-ciri keistimewaannya.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan industri berat seperti di Shah Alam, Mak Mandin, Pekan, Pasir Gudang, Miri, dan Kerteh • Kawasan industri desa seperti di Kuala Besut, Kampung Laut, Banting, Kota Marudu, Long Panai dan Kapit <p>iii. Perlombongan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Petroleum seperti di Perairan Barat Sabah, Sarawak dan Perairan Terengganu • Gas asli seperti di Bintulu dan Kerteh <p>iv. Perkhidmatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan pelancongan seperti di Langkawi, Pulau Tioman, Cameron Highlands, Gunung Kinabalu, Gua Niah dan Port Dickson 		<p>Berbangga dengan keindahan tanah air.</p> <p>Bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keceriaan.</p>	<p>9. Melalui inkuiri penemuan, senaraikan kemudahan dan kepentingan perkhidmatan seperti di klinik, hospital, sekolah, bank, kedai, pusat membeli-belah dan balai polis yang terdapat di pekan atau bandar terdekat.</p> <p>10. Menyediakan buku skrap tentang hasil hutan dan kegunaannya.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan perbankan, pendidikan dan kesihatan di bandar dan di luar bandar <p>v. Perhutanan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan pembalakan seperti di pedalaman Sabah, Sarawak, Perak, Pahang dan Kelantan. • Hasil hutan seperti di Sabah, Sarawak, Perak, Pahang dan Kelantan <p>10.2 Sumbangan Kegiatan Ekonomi</p> <p>a. Pekerjaan</p> <p>i. Menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang pertanian, perindustrian, perlombongan, perkhidmatan dan perhutanan seperti jurutera, akauntan, jururawat, guru, juruteknik, nelayan, petani, penternak dan operator pengeluaran</p>	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan kepentingan kegiatan ekonomi negara. 2. Menyenaraikan kegiatan ekonomi yang menyediakan banyak peluang pekerjaan. 3. Menyenaraikan jenis-jenis pekerjaan berdasarkan kegiatan ekonomi tertentu. 	<p>Menghargai kepentingan kemudahan perkhidmatan yang disediakan untuk masyarakat.</p> <p>Mencintai hutan negara.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendapatkan maklumat tentang jenis pekerjaan penduduk di daerah dan di tempat sendiri. 2. Mengumpul gambar produk dan perkhidmatan mengikut kegiatan ekonomi.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Pendapatan Negara <ul style="list-style-type: none"> i. Sumbangan kegiatan ekonomi kepada pendapatan negara 	<p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerangkan jenis pekerjaan yang terdapat di kawasan sektor-sektor tertentu. <p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meramalkan peluang pekerjaan baru selaras dengan kemajuan pesat negara. <p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyenaraikan hasil kegiatan ekonomi utama yang menyumbang kepada pendapatan negara. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membincangkan bagaimana pelbagai kegiatan ekonomi menyumbang kepada pendapatan negara. 	<p>Bersyukur kerana pelbagai kegiatan ekonomi dapat menyumbang kepada hasil kerajaan.</p>	<p>Contoh:</p> <p>Padi : dihasilkan oleh petani Jambatan: hasil usaha jurutera dan buruh binaan. Kereta : hasil usaha jurutera dan juruteknik kenderaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Sumbang saran mengenai peluang pekerjaan yang mungkin wujud selaras dengan kemajuan negara. 1. Mengumpul dan membincangkan gambar kegiatan ekonomi utama yang memberi sumbangan kepada pendapatan negara. 2. Berpidato bertajuk : “Sektor industri desa berpotensi memainkan

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
c. Pembangunan <ul style="list-style-type: none"> i. Membangun dan memajukan kawasan petempatan seperti: <ul style="list-style-type: none"> • di Jengka, Pahang; • di Lembah Kelang, Selangor; • di Putrajaya, Selangor; • di Kerteh, Terengganu; • di Bintulu, Sarawak; dan • di Likas, Sabah 	<p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> Meramalkan apa akan berlaku jika negara tidak memperoleh pendapatan. <p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> Menyatakan kawasan pembangunan utama mengikut kegiatan pertanian, perindustrian dan perlombongan. Menyenaraikan jenis infrastruktur dan kemudahan awam yang terdapat di sesuatu kawasan. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> Membandingkan dan membezakan dua kawasan pembangunan utama dari segi infrastruktur dan kemudahan yang terdapat di sesuatu kawasan. 	<p>Berbangga wujudnya kawasan yang membangun hasil daripada kegiatan ekonomi yang berterusan.</p> <p>Menghargai dan bersama-sama bertanggungjawab menjaga kemudahan awam.</p>	<p>peranan untuk meningkatkan pendapatan negara “.</p> <ol style="list-style-type: none"> Melabel kawasan-kawasan pembangunan utama di atas peta kosong. Membincang kedudukan kawasan-kawasan pembangunan. Membuat peta minda tentang jenis infrastruktur. Membuat simulasi berkumpulan untuk merancang sebuah kawasan petempatan.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
ii. Menyediakan dan memajukan infrastruktur dan kemudahan awam seperti perhubungan dan pengangkutan, telekomunikasi, klinik, hospital, elektrik, air, sekolah dan pusat pengajian tinggi	Aras 3 <p>1. Merancang sebuah bandar bestari yang serba lengkap dengan pelbagai kemudahan dan pembangunan.</p>	<p>Berbangga wujudnya kawasan yang membangun hasil daripada kegiatan ekonomi.</p> <p>Bersyukur dan menghargai atas nikmat daripada perkhidmatan kemudahan awam serta bersama bertanggungjawab menjaganya.</p>	<p>5. Melawat dan membuat kajian ke sebuah kawasan petempatan yang canggih seperti Putrajaya di Selangor.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
10.3 Pembangunan Ekonomi Berterusan <ul style="list-style-type: none"> a. Kepentingan bekalan sumber <ul style="list-style-type: none"> i. Bekalan sumber <ul style="list-style-type: none"> • Sumber manusia sebagai tenaga kerja dan kepakaran • Sumber tenaga seperti petroleum dan gas asli • Bahan mentah seperti kelapa sawit, getah dan kayu kayan ii. Peranan kerajaan <ul style="list-style-type: none"> • Meluaskan pasaran • Mewujudkan zon perdagangan bebas • Menggalakkan pelaburan • Mewujudkan keamanan 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyenaraikan jenis bekalan sumber untuk pembangunan ekonomi yang berterusan. 2. Menyatakan faktor-faktor penyumbang ke arah pembangunan ekonomi mapan. 3. Menyatakan peranan kerajaan dalam usaha membangunkan ekonomi yang berterusan. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan kepentingan bekalan sumber yang berterusan sebagai penyumbang ke arah pembangunan ekonomi. 2. Menyenaraikan langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk menarik pelaburan ke negara kita. 	<p>Menghargai peranan kerajaan dalam usaha membangunkan ekonomi yang berterusan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membincangkan cara meningkatkan produktiviti, salah satu kegiatan ekonomi utama di negara kita. 2. Membincangkan dan menyenaraikan cara bekalan bahan mentah dan sumber tenaga boleh dikalkan supaya dapat digunakan untuk pembangunan berterusan.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
			<ul style="list-style-type: none"> 3. Pada peta dunia, tandakan arah aliran pasaran Malaysia ke negara luar dan menyenaraikan barang utama yang dieksport ke negara tersebut. 4. Menanda peta dan menamakan zon-zon perdagangan bebas serta menerangkan sebab zon-zon tersebut diwujudkan. 5. Mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber tentang usaha-usaha menarik pelaburan asing ke Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut adakan satu aktiviti main peranan tentang usaha menggalakkan pelabur asing melabur di Malaysia.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Penyelidikan dan pembangunan <ul style="list-style-type: none"> i. Tujuan <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan produktiviti • Meningkatkan kualiti • Menggalakkan reka cipta ii. Agensi yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan seperti <i>Forest Research Institute of Malaysia</i> (FRIM), <i>Malaysia Agriculture Research and Development Institute</i> (MARDI) dan <i>Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia</i> (IPPM) 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyenaraikan tujuan penyelidikan dan pembangunan dijalankan. 2. Menyenaraikan agensi-agensi yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerangkan tugas agensi yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan. <p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghuraikan langkah-langkah kerajaan ke arah mengembangkan industri desa berdasarkan teknologi tinggi. 	<p>Menyedari kepentingan penyelidikan dan pembangunan dalam menjadikan negara berdaya saing.</p> <p>Berbangga dengan kejayaan agensi tempatan dalam penyelidikan dan pembangunan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengkaji tentang penjualan makanan di kantin sekolah dan memberi cadangan cara meningkatkan kualiti dan penjualannya. 2. Membuat carta dan laporan ringkas tentang aktiviti yang dijalankan oleh sebuah institusi penyelidikan. 3. Melawat ke institusi penyelidikan dan pembangunan berhampiran sekolah murid dan menemui bual kakitangannya untuk mengetahui kejayaan yang dicapai oleh institusi tersebut.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
			<p>4. Mencari maklumat dari internet tentang kejayaan agensi seperti MARDI, FRIM dan IPPM serta membincangkannya.</p> <p>http://www.agrolink.moa.my/lkim/statis1.htm/</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK 11 : PEMBINAAN BANGSA DAN NEGARA

Topik ini membolehkan murid mengetahui pembinaan bangsa dan negara Malaysia. Melalui pengajaran dan pembelajaran, murid menyedari pentingnya Perlembagaan dan Rukun Negara untuk memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat Malaysia ke arah keharmonian dan kesejahteraan bersama. Di akhir topik ini, murid didedahkan tentang usaha-usaha membangunkan negara melalui bidang ekonomi, sosial dan penerapan nilai-nilai murni dalam proses pembinaan bangsa dan negara.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK 11 : PEMBINAAN BANGSA DAN NEGARA

OBJEKTIF : 1. Mengenali perlembagaan negara ke arah membina masyarakat yang sejahtera.

2. Memahami dan mengamalkan Rukun Negara.

3. Mengamal nilai-nilai murni dalam kehidupan harian.

4. Menghormati dan mengamalkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara kita.

5. Mengetahui dan memahami pelbagai rancangan ekonomi, sosial dan kerohanian dalam usaha membangunkan negara kita.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
11. PEMBINAAN BANGSA DAN NEGARA 11.1 Perlembagaan Negara a. Sistem Kerajaan Persekutuan i. Badan Perundangan • Parlimen - Dewan Rakyat - Dewan Negara	Aras 1 1. Menyatakan badan-badan yang membentuk sistem struktur pentadbiran negara. 2. Menerangkan keanggotaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.	Berbangga dengan negara kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Menghormati pemimpin di semua peringkat.	1. Membina carta organisasi kerajaan Malaysia. 2. Membuat simulasi proses pilihanraya umum.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> ii. Badan Pemerintah <ul style="list-style-type: none"> • Yang di-Pertuan Agong • Jemaah Menteri iii. Badan Kehakiman <ul style="list-style-type: none"> • Mahkamah Persekutuan • Mahkamah Tinggi • Mahkamah Rendah 	<p>3. Menyatakan jenis mahkamah yang terdapat di Malaysia.</p> <p>Aras 2</p> <p>1. Menerangkan peranan Parlimen.</p> <p>2. Menerangkan bagaimana Yang di-Pertuan Agong dipilih.</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Meramalkan sekiranya sesebuah negara tidak mempunyai struktur pentadbiran yang teratur.</p>	<p>Mintaati raja dan negara.</p> <p>Taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara.</p> <p>Mendukung kedaulatan undang-undang.</p>	<p>3. Menghasilkan buku skrap bertemakan ‘Badan Pemerintah’.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CO TOH AKTIVITI
b. Kewarganegaraan <ul style="list-style-type: none"> i. Perolehan kewarganegaraan <ul style="list-style-type: none"> • Cara kuatkuasa undang-undang • Pendaftaran • Pencantuman wajah ii. Penamatan kewarganegaraan <ul style="list-style-type: none"> • Penolakan • Perlucutan 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan syarat untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia. 2. Menyatakan bagaimana seseorang boleh ditamatkan kewarganegaraannya. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghuraikan bagaimana kewarganegaraan seseorang boleh ditamatkan. <p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meramalkan akibat sekiranya perolehan warganegaraan dilonggarkan. 	<p>Bersyukur menjadi seorang warganegara Malaysia.</p> <p>Menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membincangkan dan mencatatkan cara-cara seseorang memperoleh kewarganegaraan. 2. Membincangkan dan mencatatkan bagaimana kewarganegaraan seseorang boleh ditamatkan. 3. Menyanyikan lagu patriotik dan membincangkan liriknya.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
c. Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera dan kepentingan sah kaum lain <ul style="list-style-type: none"> i. Perizaban kuota mengenai perkhidmatan, permit, lesen, biasiswa dan tanah rizab 	Aras 1 <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan hak kedudukan istimewaan orang Melayu dan bumiputera di negara kita. 2. Menerangkan maksud kepentingan sah kaum lain. 	Berbangga dan bersyukur menjadi warganegara Malaysia. Menghor mati hak dan kedudukan setiap rakyat Malaysia.	1. Membuat rujukan dan perbincangan tentang kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera dan kepentingan sah kaum lain.
d. Raja Berperlembagaan <ul style="list-style-type: none"> i. Maksud Raja Berperlembagaan ii. Semua kuasa dan tugas Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja ditentukan oleh perlembagaan 	Aras 1 <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerangkan pengertian Raja Berperlembagaan. 2. Menyatakan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong. 	Menghor mati dan mematuhi Perlembagaan Negara.	1. Menonton tayangan video mengenai Raja Berperlembagaan dan membincangkannya 2. Membandingkan dan membezakan struktur pentadbiran pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dengan raja sekarang. 3. Menonton tayangan video yang berkaitan dengan bidang kehakiman dan membuat ulasan.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>iii. Perlantikan hakim dan anggota suruhanjaya perkhidmatan aw am</p> <p>e. Bahasa dan agama rasmi</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ii. Agama Islam adalah Agama Persekutuan. Walau bagaimanapun, setiap warganegara mempunyai hak menganuti agama masing-masing 	<p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> Menerangkan bidang kuasa dan tugas Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja yang ditentukan oleh perlembagaan. <p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> Menghuraikan cara perlantikan hakim dan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Aw am. <p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> Menerangkan Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara. Menerangkan Agama Islam adalah Agama Persekutuan. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> Menyatakan hak warganegara menganuti agama masing-masing. 	<p>Menghormati Ketua Negara.</p> <p>Menghargai peranan hakim dalam sistem perundangan negara.</p> <p>Berbangga dan berazam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.</p> <p>Menghayati dan menghormati Islam sebagai Agama Persekutuan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membincangkan tentang kepentingan Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan. 2. Membincangkan tentang penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
11.2 Rukun Negara <ul style="list-style-type: none"> a. Prinsip <ul style="list-style-type: none"> i. Kepercayaan Kepada Tuhan <ul style="list-style-type: none"> • Keharmonian bangsa dan negara wujud atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan ii. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara iii. Keluhuran Perlembagaan 	<p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> Menerangkan mengapa Bahasa Melayu diterima sebagai bahasa rasmi negara. <p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> Menyatakan prinsip-prinsip Rukun Negara. Menyatakan maksud prinsip-prinsip Rukun Negara. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> Menyatakan nilai-nilai yang dapat memenuhi cita-cita dan hasrat Rukun Negara. Menerangkan hasrat yang terkandung dalam prinsip Rukun Negara. 	<p>Menghormati kebebasan beragama.</p>	<ol style="list-style-type: none"> Membincangkan sebab agama lain bebas diamalkan di negara ini walaupun agama Islam menjadi Agama Persekutuan. Melukis poster bertemakan prinsip Rukun Negara. Melafazkan prinsip-prinsip Rukun Negara dan membincangkan maksudnya. Menghasilkan buku skrap mengenai Prinsip-prinsip Rukun Negara. Mengarang dan mendeklamasikan puisi bertemakan Rukun Negara.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> Perlembagaan memberi setiap warganegara hak-hak keistimewaan tertentu dan meletakkan tanggungjawab dan kewajipan tertentu terhadap bangsa dan negara <p>iv. Kedaulatan Undang-Undang</p> <ul style="list-style-type: none"> Keadilan diasaskan atas kedaulatan undang-undang, setiap rakyat tarafnya sama di sisi undang-undang dan kebebasan asasi terjamin bagi semua warganegara <p>v. Kesopanan dan Kesusilaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Setiap orang dan setiap golongan hendaklah mengurus hal masing-masing dengan tidak melanggar tatasusila 	<p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> Membincangkan tujuan diwujudkan Rukun Negara. Meramalkan sekiranya rakyat Malaysia tidak berpegang kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. 	<p>Sentiasa patuh dan menghormati undang-undang negara.</p>	<p>5. Melakonkan satu adegan yang ada unsur-unsur kesopanan dan kesusilaan.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Penghayatan <ul style="list-style-type: none"> i. Negara bersatu <ul style="list-style-type: none"> • Melahirkan satu bangsa dan negara yang anggota masyarakatnya menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan agama ii. Masyarakat demokrasi <ul style="list-style-type: none"> • Memelihara cara hidup demokratik. Kuasa terletak pada rakyat yang bertindak melalui parlimen 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan cara menghayati Rukun Negara. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Menerangkan cara hidup yang demokrasi, adil dan saksama. <p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan pentingnya kekayaan negara dapat dinikmati bersama. 2. Memberi cadangan cara rakyat negara ini dapat membentuk sebuah negara maju yang bersatu. 	<p>Menyedari pentingnya negara bersatu yang mempunyai masyarakat demokrasi dan adil.</p> <p>Bersyukur dengan rakyat Malaysia yang bersatu padu.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menulis puisi bertemakan cinta akan negara. 2. Membincangkan sekiranya rakyat Malaysia tidak mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara. 3. Pertandingan menyanyi lagu-lagu patriotik.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
11.3 Usaha-usaha Membangunkan Negara <ul style="list-style-type: none"> a. Rancangan ekonomi <ul style="list-style-type: none"> i. Membangunkan ekonomi luar bandar <ul style="list-style-type: none"> • Mempertingkat produktiviti melalui rancangan seperti saliran dan pengairan • Mewujudkan industri desa seperti perusahaan kraftangan • Menggalakkan pelancongan • Memperluas industri penternakan 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan rancangan ekonomi yang dibangunkan oleh kerajaan. 2. Menyenaraikan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan produktiviti di kawasan luar bandar. 3. Menerangkan usaha-usaha menggalakkan industri pelancongan. 4. Menyatakan pelbagai usaha kerajaan dalam memajukan kegiatan industri. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menceritakan aktiviti-aktiviti penternakan di luar bandar. 2. Menerangkan peranan pelbagai agensi dalam pembangunan ekonomi. 	<p>Menghargai usaha-usaha kerajaan membangunkan ekonomi luar bandar.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membedah penggunaan teknologi pertanian tradisional dengan teknologi pertanian moden. 2. Mengenal pasti agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan ekonomi negara dan sumbang saran mengenai aktiviti yang dijalankan oleh agensi tersebut. 3. Menghasilkan buku sumber mengenai tempat-tempat pelancongan di luar bandar. 4. Memilih satu industri di kawasan tempat tinggal murid dan bincangkan usaha-usaha kerajaan mengembangkan industri tersebut.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> ii. Membangunkan pelbagai kegiatan industri melalui pemberian insentif seperti penyediaan kawasan dan modal iii. Peranan agensi-agensi yang membangunkan ekonomi luar bandar seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) <p>b. Rancangan sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyusun semula masyarakat ii. Membasmi kemiskinan iii. Integrasi nasional dan integrasi wilayah iv. Memajukan sumber manusia berasaskan sains dan teknologi dan mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin, berkemahiran dan produktif 	<p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membincangkan matlamat kerajaan dalam membangunkan industri luar bandar. <p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan rancangan kerajaan untuk pembangunan sosial negara. 2. Menyenaraikan nilai-nilai yang perlu diterap dan diamalkan bagi mencapai perpaduan negara. 3. Menjelaskan ciri-ciri etika kerja yang boleh meningkatkan produktiviti. 	<p>Menghargai sumbangan kerajaan untuk pembangunan industri negara.</p> <p>Bersyukur dengan kemudahan perkhidmatan sosial yang disediakan oleh kerajaan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar penerangan dan membuat catatan mengenai usaha kerajaan membasmi kemiskinan. 2. Membincangkan dan memberikan cadangan cara membantu keluarga miskin.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<p>v. Mempertingkat perkhidmatan sosial seperti perkhidmatan kesihatan, perumahan, kemudahan awam dan pendidikan</p> <p>vi. Penerapan nilai-nilai murni</p> <ul style="list-style-type: none"> Nilai-nilai utama bagi mencapai perpaduan negara seperti toleransi dan menghormati amalan serta nilai budaya Etika kerja yang mengutamakan kerajinan, dedikasi, berjimat-cermat, berdisiplin dan sanggup berkorban Usahawan yang mampu menerokai bidang-bidang baru dan berdaya saing yang sihat seperti gigih, amanah, jujur dan bertanggungjawab Nilai-nilai kerohanian seperti nilai sarwajagat dalam semua agama dan kepercayaan Mencintai alam sekitar 	<p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> Menyatakan kepentingan tenaga kerja pakar untuk pembangunan negara. Menjelaskan perlunya mencintai alam sekitar. <p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> Menerangkan sahsiah yang perlu ada pada seseorang usahawan. 	<p>Berbangga dengan pelbagai usaha kerajaan meningkatkan kemahiran sains dan teknologi.</p> <p>Berbangga dengan tenaga kerja yang beretika.</p> <p>Menyedari dan mengamalkan nilai-nilai murni yang dapat menjamin kesejahteraan rakyat negara kita.</p> <p>Membudayakan amalan nilai-nilai kerohanian dalam kehidupan seharian.</p>	<p>3. Membincangkan program mempertingkatkan integrasi untuk menyatupadukan kaum-kaum di Malaysia dari pelbagai sumber.</p> <p>4. Teater berte makan “Bersih, Cekap dan Amanah” dan ‘Kepimpinan Melalui Teladan’.</p> <p>5. Membincangkan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK 12 : KEJAYAAN DAN KEBANGGAAN NEGARA

Topik ini membolehkan murid mengetahui pencapaian negara dalam pelbagai bidang yang menjadi kebanggaan kita. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran, murid menyedari pentingnya amalan nilai-nilai murni yang membawa keharmonian dan kesejahteraan hidup yang berterusan di kalangan rakyat Malaysia dan kemajuan yang dicapai dalam pelbagai bidang itu adalah hasil usaha gigih kita. Di akhir topik ini, murid menyedari bahawa Malaysia dikenali dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK 12 : KEJAYAAN DAN KEBANGGAAN NEGARA

OBJEKTIF :

1. Mengenali dan memahami kejayaan dan kebanggaan negara kita dalam bidang sosiobudaya, ekonomi, sukan dan hubungan antarabangsa.
2. Memahami dan menyedari bahawa kemajuan dan kejayaan negara adalah dari usaha gigih rakyat yang berterusan.
3. Menyedari penggunaan Bahasa Melayu dan mengamalkan nilai-nilai murni akan membawa keharmonian serta kesejahteraan hidup yang berterusan di kalangan rakyat Malaysia.
4. Mengetahui peranan dan sumbangan negara kita melalui keanggotaannya dalam pertubuhan antarabangsa.

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
12. KEJAYAAN DAN KEBANGGAAN NEGARA 12.1 Masyarakat Harmonis a. Faktor istimewa i. Bahasa <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan 	Aras 1 <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan faktor-faktor yang mewujudkan masyarakat harmonis di Malaysia. 2. Menyenaraikan bahasa yang digunakan di Malaysia. 	Berbangga dengan masyarakat Malaysia yang harmonis. Menyedari kepentingan Bahasa Melayu yang dapat memupuk semangat perpaduan.	1. Menulis karangan bertemakan 'Bahasa Jiw a Bangsa'.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> Pelbagai bahasa dan dialek <p>ii. Budaya</p> <ul style="list-style-type: none"> Perkongsian amalan nilai-nilai murni Penglibatan bersama dalam aktiviti kemasyarakatan <p>iii. Agama dan kepercayaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Agama Islam sebagai Agama Persekutuan Agama lain bebas dianuti oleh masyarakat 	<p>3. Menyenaraikan beberapa situasi yang menunjukkan masyarakat dari pelbagai kaum bertutur bahasa Melayu.</p> <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> Menceritakan tentang amalan harian yang boleh mewujudkan masyarakat harmonis. Menyenaraikan amalan-amalan yang boleh memupuk keharmonian masyarakat mengikut agama dan kepercayaan setiap kaum. <p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none"> Merancang satu program sosial bagi memupuk keharmonian masyarakat yang melibatkan pelbagai kaum. 		<p>2. Melakukan situasi yang menunjukkan pelbagai bangsa bertutur dalam Bahasa Melayu dan membuat refleksi daripada lakonan tersebut.</p> <p>3. Membincangkan aktiviti bertemakan "semangat kerjasama."</p> <p>4. Mengadakan permainan "kotak beracun" dan menjawab soalan tentang agama dan kepercayaan yang bertemakan perpaduan.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
12.2 Kejayaan Negara <ul style="list-style-type: none"> a. Kestabilan politik <ul style="list-style-type: none"> i. Kestabilan politik menyumbang kepada kejayaan negara 	<p>2. Membincangkan keberkesanan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia.</p> <p>Aras 1</p> <p>1. Menyatakan suasana politik yang stabil.</p> <p>Aras 2</p> <p>1. Menerangkan bagaimana suasana politik yang stabil menjamin kejayaan negara.</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Menjelaskan kesan jika berlaku ketidakstabilan politik kepada negara.</p>	<p>Menghormati amalan beragama dan kepercayaan pelbagai kaum.</p> <p>Bersyukur dengan kestabilan politik negara kita.</p>	<p>1. Menonton VCD mengenai suasana negara yang stabil dan membincangannya.</p> <p>2. Pidato bertemakan kestabilan politik.</p> <p>3. Sumbang saran mengenai kesan ketidakstabilan politik.</p> <p>4. Menjemput pemimpin masyarakat setempat untuk memberi ceramah tentang kestabilan politik dan pentadbiran setempat membawa kepada kemakmuran rakyat dan negara.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
b. Kemajuan ekonomi <ul style="list-style-type: none"> i. Pengeluaran dan eksport utama hasil kegiatan ekonomi negara <ul style="list-style-type: none"> • Pertanian <ul style="list-style-type: none"> - Kelapa sawit dan getah bermutu tinggi • Perindustrian <ul style="list-style-type: none"> - komponen elektronik - barang elektrik - kereta nasional • Perlombongan <ul style="list-style-type: none"> - Petroleum bermutu tinggi - Gas cecair ii. Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> • Pusat kecemerlangan pendidikan • Koridor Raya Multi Media 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyenaraikan kegiatan ekonomi yang menaikkan imej negara. 2. Menyatakan produk-produk utama dalam kegiatan ekonomi yang mengharumkan negara. 3. Menyenaraikan jenis perkhidmatan yang membanggakan negara. 4. Menyenaraikan jenis binaan yang istimewa di negara kita. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan kejayaan syarikat tempatan mengambil alih syarikat asing. 	<p>Berbangga dengan produk negara yang berkualiti dan terkenal di mata dunia.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membincangkan hasil kegiatan ekonomi yang membanggakan negara. 2. Mengadakan ceramah oleh wakil agensi yang terlibat dengan penghasilan produk yang membanggakan negara. 3. Membuat koleksi gambar-gambar kebanggaan negara seperti kenderaan, bangunan dan alatan. 4. Melayari laman web mengenai kejayaan dan kebanggaan negara dalam bidang ekonomi dan seterusnya membuat rumusan. <p>http://www.kempen.gov.my/lamanweb/k_ekonomi.htm</p>	

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> • Telekomunikasi • Teknologi Maklumat <p>iii. Pembinaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menara Berkembar Petronas • Bandar Cyberjaya • Putrajaya • Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur • Litar Formula One • Jambatan Pulau Pinang • Kompleks Sukan Bukit Jalil <p>iv. Perniagaan dan perdagangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengambil alih syarikat asing oleh anak tempatan seperti GUTHRIE dan SIME DARBY • Pelaburan dan pemindahan teknologi 	<p>2. Menyatakan usaha-usaha pelaburan syarikat tempatan di luar negara.</p> <p>3. Menyatakan usaha-usaha kerajaan menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia.</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Menjelaskan kemampuan negara dalam melaksanakan projek raksasa di luar negara.</p> <p>2. Menjelaskan usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan negara sebagai pusat kecemerlangan teknologi maklumat dan komunikasi.</p>	<p>Berbangga dengan perkhidmatan berkualiti yang disediakan.</p> <p>Berbangga dengan kemampuan pembinaan projek-projek yang berteknologi tinggi.</p>	

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
c. Pembangunan sosial <ul style="list-style-type: none"> i. Perpaduan masyarakat berbilang kaum ii. Pelbagai budaya, agama dan kepercayaan iii. Kejayaan dalam bidang sukan dan rekreasi <ul style="list-style-type: none"> • Jaguh sukan bertaraf dunia • Tuan rumah sukan bertaraf antarabangsa • Kecemerlangan ekspedisi seperti pelayaran solo mengeliling dunia, mendaki Gunung Everest dan menjelajahi Kutub Utara 	<p>Aras 1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyatakan kejayaan negara yang menjadi kebanggaan dalam pembangunan sosial. 2. Menyenaraikan jenis sukan dan rekreasi serta jaguh-jaguh yang telah mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa. 3. Menyatakan kejayaan negara dalam menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa. 4. Menamakan pemimpin-pemimpin sukan yang melibatkan diri dalam pertubuhan sukan di peringkat antarabangsa. <p>Aras 2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan kepentingan perpaduan masyarakat berbilang kaum dalam pembangunan sosial. 	<p>Berbangga dengan perpaduan masyarakat negara kita.</p> <p>Saling menghormati dan menghargai sikap toleransi rakyat kepadaan budaya.</p> <p>Berbangga dengan kejayaan rakyat dalam sukan dan rekreasi.</p> <p>Berbangga dengan sikap toleransi dan hormat-menghormati di kalangan rakyat pelbagai kaum.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berpidato bertemakan masyarakat berbilang kaum. 2. Pertandingan melukis yang bertemakan pelbagai aktiviti budaya, agama dan kepercayaan. 3. Mengumpul gambar dan menulis biodata jaguh – jaguh sukan negara. 4. Menulis sebuah karangan mengenai seorang jaguh sukan negara yang terkenal di peringkat antarabangsa. 5. Menyanyi lagu-lagu patriotik seperti ‘Malaysia Boleh.’

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan rakyat Malaysia dalam persatuan atau organisasi sukan antarabangsa <p>iv. Penganjuran program antarabangsa seperti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tilawah Al-Quran • Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi (LIMA) <p>12.3 Malaysia di Arena Antarabangsa</p> <p>a. Pertubuhan yang dianggotai dan faedahnya</p> <p>i. ASEAN (Association of South East Asia Nation)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama serantau 	<p>2. Menjelaskan kemampuan dan keupayaan negara dalam menganjurkan program peringkat antarabangsa.</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Mencadangkan langkah-langkah yang positif untuk mencapai kemajuan sukan di peringkat antarabangsa.</p> <p>2. Menilai perkembangan dan pembangunan sukan Malaysia di peringkat antarabangsa.</p> <p>Aras 1</p> <p>1. Menyatakan pertubuhan serantau dan antarabangsa yang dianggotai Malaysia.</p>	<p>Menyanjung tinggi kejayaan sukan negara di arena antarabangsa.</p> <p>Berbangga dengan penglibatan Malaysia yang aktif di arena antarabangsa.</p>	<p>6. Mengumpul keratan akhbar mengenai kejayaan negara menganjurkan program peringkat antarabangsa dan membuat catatan ringkas mengenainya.</p> <p>7. Melayari laman web untuk mendapatkan maklumat tentang kejayaan negara dalam bidang sukan.</p> <p>http://www.kempen.gov.my/lamanweb/pelayaran.htm</p> <p>1. Membincangkan tentang peranan Malaysia dalam pertubuhan ASEAN.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> ii . Pertubuhan Negara Islam (OIC) <ul style="list-style-type: none"> • Hubungan dengan negara-negara Islam iii. Komanwel <ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama antara negara-negara bekas tanah jajahan British iv. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) <ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama antarabangsa <p>b. Peranan dan sumbangan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memperjuangkan hak asasi manusia seperti dalam isu Bosnia dan Kosovo ii. Memperjuangkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui Deklarasi Langkawi dan Sidang Kemuncak Rio 	<p>2. Menyenaraikan faedah Malaysia menganggotai pertubuhan serantau dan antarabangsa.</p> <p>Aras 1</p> <p>1. Menyatakan peranan Malaysia dalam membantu menyelesaikan isu-isu antarabangsa.</p> <p>2. Menyatakan bantuan Malaysia kepada mangsa bencana alam.</p>	<p>Menyanjung tinggi atas kejayaan negara menganjurkan pelbagai program yang bertaraf antarabangsa.</p> <p>Berbangga dengan keupayaan kita memberi sumbangan terhadap keamanan dan kesejahteraan dunia.</p>	<p>2. Membuat peta minda tentang keanggotaan Malaysia di arena antarabangsa dan membincangkannya.</p> <p>3. Mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber tentang latar belakang serta peranan utama pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Komanwel, O.I.C dan PBB.</p> <p>1. Membincangkan peranan Malaysia dalam membantu menyelesaikan isu-isu antarabangsa.</p> <p>2. Membuat peta minda mengenai peranan dan sumbangan Malaysia di arena antarabangsa dan membincangkannya.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6

TOPIK / SUBTOPIK	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CONTOH AKTIVITI
<ul style="list-style-type: none"> iii. Memperjuangkan isu-isu ekonomi seperti pemasaran dan perdagangan negara sedang membangun secara adil seperti G15 iv. Menyediakan peluang pendidikan di peringkat antarabangsa di institusi pengajian tinggi tempatan v. Membantu negara yang mengalami masalah seperti kebuluran dan bencana alam vi. Menyertai misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti di Somalia, Bosnia Herzegovina dan Kosovo vii. Memimpin pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti Tunku Abdul Rahman (OIC), Tan Sri Razali Ismail (Majlis Keselamatan PBB) dan Datuk Dr. Mazlan (NASA) 	<p>3. Menyenaraikan nama dan pertubuhan yang dipimpin oleh rakyat Malaysia di peringkat antarabangsa.</p> <p>Aras 2</p> <p>1. Menjelaskan mengenai kemudahan perkhidmatan yang disediakan oleh Malaysia kepada negara-negara luar.</p> <p>Aras 3</p> <p>1. Menjelaskan peranan dan sumbangan oleh seorang pemimpin negara dalam memperjuangkan kehidupan sawajat di arena antarabangsa.</p> <p>2. Mencadangkan tindakan yang perlu diambil bagi mengekalkan tahap kecemerlangan negara di arena antarabangsa.</p>	<p>Berbangga dengan keupayaan Malaysia memberi sumbangan terhadap keamanan dan kesejahteraan dunia.</p> <p>Menyanjungi dan menghargai jasa rakyat Malaysia yang telah memberi sumbangan di peringkat antarabangsa.</p>	<p>3. Memadankan pernyataan tentang sumbangan utama Malaysia dengan pertubuhan yang dianggotainya.</p> <p>4. Mengumpul gambar rakyat Malaysia yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam pertubuhan antarabangsa dan menulis laporan mengenai mereka.</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KBSR TAHUN 6